



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**UPACARA PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN,  
MAJLIS ANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA  
KETUA HAKIM NEGARA, PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN DAN  
HAKIM BESAR SABAH DAN SARAWAK**

Berikut adalah kenyataan rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia mengenai Upacara Pengurniaan Watikah Pelantikan, Majlis Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Adalah dimaklumkan bahawa pada 11 Julai 2018, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V telah memperkenan dan mengurniakan watikah pelantikan kepada YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim Negara, YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop sebagai Presiden Mahkamah Rayuan dan YAA Datuk David Wong Dak Wah sebagai Hakim Besar Sabah dan Sarawak di Istana Negara. YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum juga telah mengangkat sumpah jawatan dan taat

setia sebagai Ketua Hakim Negara yang baharu di hadapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Majlis Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, YAA Datuk David Wong Dak Wah akan diadakan pada hari ini, 12 Julai 2018 di Istana Kehakiman, Putrajaya.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong juga telah memperkenan pelantikan YAA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim sebagai Hakim Besar Malaya yang baharu. Namun, Upacara Pengurniaan Watikah Pelantikan dan Majlis Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia di Istana Kehakiman akan diadakan dalam masa yang terdekat atas sebab YAA sedang berada di luar negara.

Adalah dimaklumkan juga mantan Ketua Hakim Negara, YABhg. Tun Raus Sharif dan mantan Presiden Mahkamah Rayuan, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin telah menghadiri upacara serah tugas kepada YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum dan YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop, Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan yang baharu pada pagi ini, 12 Julai 2018 di Kamar Ketua Hakim Negara, Istana Kehakiman, Putrajaya.

Disertakan juga bersama kenyataan media ini biodata Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak untuk rujukan tuan/puan ahli-ahli media.

**BERTARIKH 12 JULAI 2018**  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**PEJABAT KETUA PENDAFTAR**  
**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**